

Ala duna

2020 (UP) 600-002/042(30)



فوسنة كعونه لاسلام فيه
مركز الدعوة الاسلاميه
ISLAMIC DA'WAH CENTRE

Bil:30

Sedekah dan Manfaatnya

Mudahantah
sedekah ani dapat
membantu keperluan
kamu lai.

Nabi Saleh &
Seekor Unta
Betina

5

Sedekah 7

Adab
Bersedekah

8



Kalam Auladuna	3
Asma'ul Husna	4
Kisah Haiwan	5
Asbabun Nuzul	6
Pekerti Auladuna	7
Adab Islami	8
Kamus 3 Bahasa & Perambahan Brunei	9
Bina Perkataan	10
Asah Minda	11
Teka Gambar	12
Gambar Tersembunyi	14
Teka Silang Kata	15
Doa	16

ANGGOTA REDAKSI

EDITOR

Hajah Middeni binti Haji Lamit

PENOLONG EDITOR

Hajah Suriyati binti Haji Ahmad

PENYELARAS

Hjh Ratna binti Hj. Abd. Karim
Dahlan bin Chuchu

PEMBANTU PENYELARAS

Qairunnisa binti Haji Jalil
Md. Zeliha bin Ahad
Rokiah binti Haji Mohamad Serudin
Azizah binti Hidup
Dayang Hayatun Syakirah binti Hj. Awang Abd. Ghani


ATUR HURUF & REKA BENTUK

Dahlan bin Chuchu

PEMBAHAGI MAJALAH

Pg. Muhammad Rafiuddin bin Pg. Haji Badaruddin
Norni binti Haji Norsan

“Amalan Bersedekah
Membawa Berkat
Menjamin Keluarga
Bahagia”



Sedekah dan Manfaatnya

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ
سُنْبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَسِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٣١﴾

Tafsirnya:


Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurniaNya) lagi Maha Mengetahui.

Surah al-Baqarah:261

Anak-anak, bersedekah adalah salah satu cara kita untuk mensyukuri ni'mat rezeki yang Allah Subhanahu wa Ta'ala berikan. Di antara manfaat amalan bersedekah ini ialah dapat melatih diri kita untuk sentiasa memberi dan bersifat dermawan dengan mereka yang memerlukan, selain itu dapat mengeratkan lagi silaturrahim dengan keluarga dan sahabat. Dengan adanya sifat ini dapat memupuk rasa perihatin dan belas kasihan untuk saling membantu sesama kita serta dapat menghilangkan rasa pentingkan diri sendiri.

Allah Subhanahu wa Ta'ala sangat menyukai hambaNya yang rajin bersedekah. Allah Subhanahu wa Ta'ala akan memberikan limpahan rahmat dan rezeki yang berganda atas sedekah yang dilakukan. Semoga anak-anak akan sentiasa bermurah hati untuk melakukan amal kebajikan ini.





Al-Ghafuur

Maha Pengampun dan Pemaaf

فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Tafsirnya:

...Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih

- Surah at-Taghabun: 14 -

Al-Ghafuur bererti Allah Maha Pengampun dan Pemaaf. Apabila seseorang itu mempunyai kesalahan yang banyak, lalu ia benar-benar bertaubat dan meminta keampunan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala. Maka Allah Subhanahu wa Ta'ala akan mengampunkannya. Allah Subhanahu wa Ta'ala akan menutup kesalahannya itu supaya tidak terbuka keaibannya pada hari akhirat nanti.



Nabi Saleh dan Seekor Unta Betina


وَيَقَوْمُ هَذِهِ نَاقَةُ اللَّهِ لَكُمْ آيَةٌ فَذَرُوهَا تَأْكُلْ فِي أََرْضِ اللَّهِ وَلَا تَمْسُوهَا بِسُوءٍ فَيَأْخُذَكُمْ عَذَابٌ قَرِيبٌ ﴿١١﴾ فَعَقَرُوهَا فَقَالَ تَمَتَّعُوا فِي دَارِكُمْ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ ذَلِكَ وَعْدٌ غَيْرُ مَكْذُوبٍ ﴿١٢﴾

Tafsirnya:

"Dan wahai kaumku! Inilah seekor unta betina (daripada) Allah untuk kamu sebagai tanda (yang membuktikan kebenaranku). Oleh itu, biarkanlah unta itu makan di bumi Allah dan janganlah kamu menyakitinya. (Jika kamu menyakitinya) maka kamu akan ditimpa azab yang segera. Maka mereka pun menyembelih unta betina itu lalu Nabi Saleh berkata kepada mereka: "Bersenang-lenanglah (bersuka rialah) kamu di tempat tinggal kamu selama tiga hari. Yang demikian itu ialah janji yang tidak dapat didustakan."

Surah Hud: 64-65

- Nabi Saleh bersama dengan kaumnya iaitu kaum Tsamud, tetapi kaum Tsamud tidak menyukai Nabi Saleh yang menyeru mereka untuk menyembah Allah Subhanahu wa Ta'ala.
- Kaum Tsamud meragui kenabian Nabi Saleh, dengan sombongnya mereka meminta Nabi Saleh menunjukkan kenabiannya. Allah Subhanahu wa Ta'ala menganugerahkan seekor unta betina dan meminta kaum Tsamud menjaganya dengan baik. Nabi Saleh telah berpesan untuk tidak melanggar pesanan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala jika tidak mahu ditimpa hukuman dan seksaan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala.



- Kaum Tsamud merancang untuk membunuh unta berkenaan dan akhirnya mereka menangkap dan membunuh unta berkenaan.
- Allah Subhanahu wa Ta'ala menimpakan musibah kepada kaum Tsamud sebagaimana firman Allah:

وَأَخَذَ الَّذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةَ فَأَصْبَحُوا فِي دِيرِهِمْ جَثَمِينَ ﴿١٧﴾

Tafsirnya:

"Dan orang-orang yang zalim itu telah dibinasakan oleh satu tempikan suara yang kuat sehingga mereka pun menjadi mayat-mayat yang bergelimpangan di tempat tinggal mereka"

Surah Huud : 67



SURAH AL-FAATIAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۝ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ۝ مَلِكُ يَوْمِ الدِّينِ ۝
إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ۝ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ۝
صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ۝

- Al-Faatihah bermaksud pembuka atau yang mula-mula.
- Surah ini dikenali dengan nama *Ummulqur'an*, *Ummulkitab*, *al-Qur'anul'azhim*, *as-Sab'ulmatsani*, *asy-Syifa*, *as-Syafiah*, *al-Hamdu*, *al-Wafiah*, *al-Kafiah*, *al-Kanzu*, *Asasulqur'an*, *ash-Shalah* dan *al-Matsani*.
- Surah ini dianggap sebagai penghulu segala surah dalam al-Qur'an.
- Surah al-Faatihah adalah ringkasan daripada keseluruhan isi al-Qur'an yang mencakupi ilmu tauhid, janji dan berita gembira bagi orang yang beriman, ancaman bagi orang kafir, ibadah, jalan menuju kebahagiaan dunia akhirat, cerita kemenangan bagi orang yang taatkan Allah, kisah kebinasaan bagi orang yang derhaka.
- Surah ini diakhiri dengan pemberitahuan bahawa manusia terbahagi kepada dua golongan iaitu:
 1. Mereka yang mendapat rahmat dan ni'mat daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan kalangan para nabi, rasul, orang beriman dan beramal salih.
 2. Mereka yang dimurkai Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana mereka adalah golongan yang sesat dan menyimpang daripada ajaran Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.



Sedekah

Sedekah berasal daripada perkataan Arab, iaitu *ash-Shadaqah* (الصَّدَقَة) yang bermaksud benar. Ini bererti suatu pemberian daripada seorang Islam kepada orang lain yang memerlukannya. Pemberian itu dapat diberi pada bila-bila masa dan tiada had jumlahnya.

Amalan bersedekah dengan niat ikhlas kerana Allah adalah amalan terpuji dan sedekah ini tidak susah untuk dilakukan. Amalan-amalan berikut adalah termasuk amalan bersedekah dan mendapat ganjaran pahala:



Imam at-Thabarani telah meriwayatkan daripada 'Uqbah bin'Amir, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah itu memadamkan api seksaan di dalam kubur”



ADAB BERSEDEKAH

Memberi
dengan
ikhlas tanpa
mengharapkan
balasan

Menunjukkan
muka manis
ketika
bersedekah

Berusaha
menyembunyikan
pemberian itu
daripada pengetahuan
orang ramai kecuali
bertujuan untuk
dicontohi.

Sedekah daripada
sumber halal dan
benda yang
terbaik

Tidak mengungkit-
ungkit sedekah
yang diberi



BAHASA MELAYU	BAHASA INGERIS	BAHASA ARAB
Sedekah	Charity	صَدَقَةٌ
Bantuan	Help	مُسَاعَدَةٌ
Amal Baik	Good Charity	صَدَقَةٌ جَيِّدَةٌ
Harapan	Hope	أَمَلٌ
Kebahagiaan	Happiness	سَعَادَةٌ

Kamus Brunei (Warna)

Gadung ertinya Hijau.

Contoh: "Baju yang dipakai kedua pengantin itu berwarna **gadung**."

Taruk ubi ertinya Ungu.

Contoh: Azizah suka memakai baju berwarna **Taruk ubi**.

Kalas ertinya Merah Jambu.

Contoh: Pakaian seragam mereka berwarna **kalas**.

Perambahan Brunei

Luncit dua sepanggalan

Ertinya suka bermuka-muka.

Contoh ayat: Orang yang **luncit dua sepanggalan** ialah orang yang tidak boleh dipercayai.

Lamah liat

Ertinya lambat pergerakan.

Contoh ayat: Dia seorang yang **lamah liat** ketika disuruh membuat kerja.

Jadi sasaban

Ertinya menjadi sebab atau alasan.

Contoh ayat: Hujan lebat **jadi sasaban** Siti Aminah untuk tidak hadir ke sekolah.



Cuba anak-anak bina 13 perkataan daripada
perkataan di bawah ini.

BERSEDEKAH

B				R
B				H
B				S
R				A
R				H
R				H
R				H
R				A
S				K
S				H
S				R
D				A
D				S

Jawapan Keluaran Bil. 29
Ajar, Arah, Aras, Ajal,
Asal, Awal, Darah,
Dasar, Hasad, Jasa, Jala,
Raja, Rasa, Rajah



Cuba anak-anak cari ejaan jawi berikut sama ada
secara mendatar atau menurun. Selamat mencuba!

صدقه مبلغ قمبىلا بندا قمبرى كبركتن بيجقسان هديه حاجة

ق	ت	ب	ع	غ	ل	ب	م	م	ص
م	ف	ي	م	ب	ب	ي	ل	د	ح
ب	و	ج	ر	ي	ي	ل	ق	ا	ح
ي	ل	ق	ة	ح	ع	ه	غ	ر	ا
ل	و	س	ي	ا	ا	د	ا	م	ج
ا	و	ا	ا	ج	ا	د	ن	ب	ف
س	ض	ن	ل	ة	أ	م	أ	ج	ب
و	ب	ف	ا	و	ي	ر	ب	م	ق
ه	ي	د	ه	ئ	ل	م	ن	ا	لا
م	ب	ي	ل	ر	ن	ا	ض	م	ر
م	م	ز	-	ن	ت	ك	ر	ب	ك

Jawapan Keluaran Bil.29

ح	ت	خ	ع	ر	ا	ن	و	ا
ح	ف	م	م	ب	ب	ي	ل	ل
ر	و	ا	ر	ي	ي	ل	ح	ا
ا	د	د	ع	ع	ي	ع	ر	م
ل	و	ي	ي	ا	ا	ا	م	ك
ا	و	ا	ا	ل	ل	ح	ب	ع
س	ض	ل	ل	ا	ا	م	ج	ب
و	ب	ف	و	ا	ط	ا	ه	ت
د	و	و	و	ل	ئ	م	ا	لا
م	ب	ي	ل	ر	ن	ا	م	ر
م	ب	م	ز	-	ن	ت	ر	ب






Belajar Bahasa Arab

kali ini anak-anak akan belajar bahasa Arab, iaitu dengan mengenali gambar yang di eja menggunakan bahasa Arab berserta dengan terjemahannya dalam bahasa Melayu.



Sila Lihat Gambar Sebelah

Cuba anak-anak baca dan hafalkan bahasa arab bersama terjemahannya mengikut gambar berikut:



عَرَبِيَّة

Kereta Lembu




سَيَّارَةٌ

Kereta



طَائِرَةٌ

Kapal Terbang





دَرَّاجَةٌ

Basikal

Cuba kawan-kawan cari gambar tersembunyi yang terdapat pada gambar berikut:

Jarum, buah lai (pear), cendawan, lilin, topi (cap),
burung, rama-rama, paku, anak panah, sampul surat,
anak bulan, udang karang, bunga tulip



MENDATAR

1. dan amal jariyah.
3. Bersedekah diberi ganjaran
5. Bersedekah tidak menjadikan kita
6. Penerima sedekah pasti akan merasa

MENURUN

1. fardhu lima waktu.
2. Bersedekah mestilah
4. Bersedekah mestilah dari sumber yang dan bukan yang haram.
7. Bersedekah akan disayangi
Subhanahu wa Ta'ala.

Jawapan Teka Silang Kata Bil. 29

Mendatar : 1. Umrah, 3. Madinah, 4. Haji, 5. Safa, 6. Masjid

Menurun : 1. Unta, 2. Hajar al-Aswad, 3. Mekah

Doa Ketika Memberikan Sedekah

Dalam Islam, ketika memberikan sedekah kita dianjurkan untuk memberi dengan tulus ikhlas kerana Allah. Selain itu, kita dianjurkan untuk berdoa kepada Allah agar sedekah kita diterima dan mendapat pahala di sisiNya. Adapun doanya ialah:

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya:

“Wahai Tuhan kami, terimalah dari kami. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

